

1983

SEREMBAN, 22 MEI (BERNAMA) -- ORANG MELAYU PERLU MENEBUS KEMBALI MARUAH MEREKA DENGAN MEMBUKTIKAN KEPADA DUNIA BAHAWA MREKA TIDAK MALAS SEPERTI YANG MENJADI ANGGAPAN SEKARANG, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA PERLU MENUNJUKKAN SIFAT-SIFAT BAIK DENGAN BEKERJA KUAT, BERAMAN, BERTERUS TNG DAN BOLEH DIPERCAYAI.

"SAYA TIDAK MAHU LAGI BANGSA KITA DIANGGAP SEBAGAI ORANG YANG CUMA PANDAI MEMINTA, MEMINTA PERTOLONGAN, TIDAK PANDAI SERTA TIDAK CEKAP MEMBUAT SESUATU TETAPI CUMA TAHUMENGGUNAKANNYA," TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN MANTIN DI DEWAN BANDARAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT NILAI-NILAI YANG DISEBUTKANNYA MEMANG DITERIMA OLEH MASYARAAT MELAYU TETAPI MALANGNYA TIDAK DIAMALKAN.

"SELAGI KITA TIDAK MENGAMALKAN SIFAT-SIFAT BAIK ITU, SELAGI ITU KITA TIDAK AKAN MENJADI BANGSA YANG AKAN DIHORMATI DI KALANGAN ANTARABANGSA DAN TIDAK DAP DUDUK SAMA REDAH DAN BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN MEREKA," KATA BELIAU.

-- LAGI 1422/LK

MAHATHIR - MARUAH 2 SEREMBAN

PERDANA MENTERI LALU MENYEBUT TENTANG ADANYA CATITAN DALAM ENSAIKLOPEDIA +BRITTANICA+ YANG MEMBUAT TOHMAHAN KONONNYA ORANG MELAYU MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT MALAS SERTA TIDAK BERPEGANG KEPADA JANJI.

BELIAU MENJELASKAN NOTA BANTAHAN SECARA POLITIK TELAH DIBUAT TERHADAP PENERBIT ENSAIKLOPEDIA ITU SUPAYA MENGGUGURKAN TUDUHAN YANG TIDAK ADIL ITU.

+TETAPI YANG PENTING SEKARANG IALAH PERANAN ORANG MELAYU UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA DAKWAAN ITU TIDAK BENAR DAN SEBALIKNYA ORANG MELAYU ADALAH BANGSA YANG RAJIN DAN BOLEH DIPERCAYAI,+ TAMBAH BELIAU.

+KITTA SENDIRI MESTI BEKERJA KERAS UNTUK MENEBUS KEMBALI MARUAH BANGSA KITA AGAR KITA DAPAT SETANDING DENGAN DUNIA LUAR DALAM SEMUA BIDANG DAN TIDAK LAGI DITINDAS DAN DIHINA.+

BELIAU MENJELASKAN PEMERINTAH TELAH SEDIKIT SEBANYAK MEMELIHARA MARUAH NEGARA DI ARENA ANTARABANGSA DAN KINI RAKYAT PULA PERLU BERUSAHA MENJAGA MARUAH MEREKA DALAM KEHIDUPAN SEHARI-HARI. -- LAGI 1454/MK  
NNNN

ZCZC B566

MAHATHIR - MARUAH 3 SEREMBAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI TUDUHAN KONONNYA ORANG MELAYU MALAS +SEDIKIT SEBANYAK+ MEMPUNYAI ASAS KERANA KADANGKALA MEREKA TERTARIK DENGAN DAKWAY MENJADI MALAS ADALAH BAIK.

MENURUTNYA +ADA DI KALANGAN CERDIK PANDAI YANG MENDAKWA KONONNYA JIKA RAJIN, KITA AKAN DIPERHAMBAKAN ORANG DAN MENJADI ROBOT.

+OLEH KERANA KONONNYA INGIN KEBEBASAN SEBAGAI MANUSIA DAN TIDAK MAHU MENJADI ROBOT, MEREKA LEBIH SUKA MENJADI MALAS.+

BELIAU BIMBANG JIKA ORANG MELAYU TERUS MENGAMALKAN SIKAP INI MEREKA AKAN TERUS MENJADI BANGSA YANG CUMA MENYURUH ATAU MENGHARAPKAN ORANG SEPERTI SEKARANG INI.

+SEKARANG PUN, BILA KITA NAK BINA MASJID ATAU BANGUNAN PERNIAGAAN, KITA HARAPKAN ORANG LAIN. BILA KERAJAAN BUAT DEMIKIAN KITA MARAH, TETAPI BILA KITA SENDIRI BUAT BEGITU, KITA SENYAP.+

PERDANA MENTERI MENYERU PARA ANGGOTA UMNO, SELARAS DENGAN COGANKATA KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN, MENUNJUKKAN JALAN BEKERJA KUAT UNTUK DICONTOHI OLEH ORANG RAMAI. -- BERNAMA 1456/MK  
NNNN